

## **ANALISIS AURAT ATLET MUSLIM DI TEMASYA OLIMPIK 2020: KAJIAN MENURUT PERSPEKTIF FIQH ISLAMI**

***Analysis of Muslim Athletes' 'Awrah in Tokyo Olympic Game: A Fiqh Islami Study***

Ahmad Akram Mahmad Robbi<sup>i</sup> & Irwan Mohd Subri<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Jabatan Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs),  
[akramrobbi@gmail.com](mailto:akramrobbi@gmail.com)

<sup>ii</sup>Pengarah, Institut Fatwa dan Halal (IFFAH) & Professor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,  
 Universiti Sains Islam Malaysia; Setiausaha Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM),  
[irwan@usim.edu.my](mailto:irwan@usim.edu.my)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p>Perundangan Islam telah memperuntukkan hukum khusus terhadap tatacara pemakaian yang mewajibkan setiap individu Muslim menutup aurat. Ketetapan batasan aurat ini telah dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Walaubagaimanapun, apabila berbicara soal aktiviti riadah dan sukan di peringkat antarabangsa seperti Temasya Sukan Olimpik, seringkali isu-isu aurat para atlet Muslim akan berbangkit. Hal ini kerana terdapat beberapa acara sukan yang memperuntukkan pakaian yang tidak mematuhi garis panduan aurat yang dianjurkan oleh agama Islam. Rentetan daripada itu, para atlet Muslim seringkali dijadikan subjek kecaman dan kritikan berbaur negatif sehingga menyebabkan mereka tersekat di dalam dilema antara mematuhi perintah agama dalam konteks menutup aurat dan penglibatan mereka dalam bidang kesukanan profesional. Berdasarkan metode kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes melalui pemerhatian dan analisis dokumen, kajian ini mendapati bahawa berlaku pertembungan</p>	<p><i>Shariah law has provided a specific ruling upon legal attire that requires every Muslim to cover their 'awrah. The restriction of disclosing 'awrah is precisely stated in the Holy Qur'an and al-Sunnah. However, when it comes to discussing about sports activities in Olympic game, there must be emerging issues regarding the 'awrah of the Muslim athletes. The reason is that there are several events require the athletes to wear non-Shariah compliant attire that againts the basis of 'awrah regulation. Hence, Muslim athletes usually have been subject of hatred and criticism that causing them stucked into dilemma between obeying the religion's command in term of covering 'awrah and their participation in sports at professional level. Based on qualitative method that utilizes observation and document analysis, this study views that there are clash between the dress-code of the Muslim athletes and the requirement of executing the 'awrah regulation as stated in both Qur'an and al-Sunnah. Therefore, this studies would like to provide several suggestions to improve the recent guidelines according to Shariah.</i></p>

<p>antara kod pemakaian atlet Muslim dengan peruntukan mematuhi ketetapan menutup aurat seperti yang termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, melalui kajian ini beberapa cadangan dan panduan dikemukakan untuk menambahbaik kod pemakaian para atlet professional seiring dengan kehendak syarak.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Olimpik, atlet, Muslim, sukan, aurat.</p>	<p><b>Keywords:</b> Olympic, athlete, Muslim, sports, 'awrah.</p>
---	---

## PENDAHULUAN

Bermula dari 8 April 1896, sebuah temasya sukan telah menempa nama apabila temasya ini berjaya menarik ribuan atlet professional untuk terlibat sebagai peserta mewakili negara masing-masing. Negara Malaysia juga tidak terkecuali dalam menghantar atlet negara ke temasya yang dijalankan setiap empat tahun sekali ini. Kali pertama Malaysia menyertai temasya Olimpik ini ialah pada tahun 1956 di Melbourne, Australia. Malaysia tidak pernah terkecuali daripada penglibatan temasya ini melainkan sewaktu Malaysia turut serta dalam gerakan boikot Olimpik Moscow 1980 sebagai tanda tidak setuju dengan tindakan negara tersebut menyerang wilayah-wilayah di Afghanistan.

Sebagai sebuah negara Islam, penglibatan para atlet yang beragama Islam bukanlah sesuatu yang asing. Pada siri Olimpik Tokyo 2020 yang diadakan pada 23 Julai 2021 sehingga 8 Ogos 2021 telah memperlihatkan seramai 12 atlet Malaysia daripada 30 orang jumlah keseluruhan adalah beragama Islam. Hal ini merupakan satu perkembangan yang baik kerana atlet-atlet ini mampu memberikan inspirasi kepada masyarakat Muslim yang lain untuk terlibat dalam aktiviti sukan dan riadah.

Pada sisi agama, Islam sangat jelas apabila berbicara soal batas-batas aurat yang perlu ditutup daripada penglihatan mahram atau *ajnabi*. Setiap individu yang beragama Islam wajib untuk mematuhi batas-batas aurat dengan merujuk kepada situasi yang dinyatakan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Begitu juga apabila dengan merujuk perbendaharaan fiqh Islami, para sarjana Islam memperhalusi batas aurat yang perlu dipelihara kepada beberapa keadaan; ketika bersama mahram, *ajnabi*, berbeza jantina dan berbeza agama.

Penglibatan atlet beragama Islam dalam bidang sukan professional tidak memisahkan mereka daripada tanggungjawab sebagai seorang Muslim yang perlu mematuhi garis panduan menutup aurat yang ditetapkan oleh syarak. Walaupun begitu, realitinya berbeza apabila didapati beberapa atlet beragama Islam sukar untuk mematuhi garis panduan menutup aurat. Hal ini

kerana acara dipertandingkan memperuntukkan kod berpakaian yang tidak mematuhi syarak sama ada ia terlalu ketat sehingga menzahirkan bentuk tubuh badan atau pakaian tersebut sememangnya mendedahkan bahagian tertentu daripada aurat mereka.

Keadaan ini menyebabkan konflik antara mematuhi perintah agama dan memenuhi tuntutan kerjaya dalam urusan rasmi bersukan. Walaupun sudah terdapat garis panduan yang disediakan oleh pihak berautoriti, perlaksanaannya masih tidak secara keseluruhan di samping garis panduan tersebut bersifat terlalu umum dan berfokus kepada masyarakat awam. Oleh itu, menurut hemat penulis, menjadi satu keperluan untuk para atlet ini mempunyai satu garis panduan yang lebih jelas dan tertumpu kepada peranan mereka sebagai atlet profesional demi membantu mereka menjalankan tugas pada negara seiring dengan tuntutan agama.

## KEDUDUKAN SUKAN DAN RIADAH DALAM SYARIAH

Sukan dan riadah merupakan aktiviti yang dekat dengan kehidupan masyarakat. Ia mampu menyumbang kepada melahirkan masyarakat yang produktif dan sihat serta cergas. Seiring dengan objektif yang baik ini, maka agama Islam tidak menghalang sebarang aktiviti sukan dan riadah diamalkan oleh masyarakat Muslim. Bahkan, galakan beriadah ini merupakan anjuran daripada agama Islam sendiri menerusi dalil-dalil sunnah Nabi Muhammad SAW. Abu Hurairah RA meriwayatkan sabda Rasulullah SAW:

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ حَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الْمُضَعِّفِ

Maksudnya, “Orang beriman yang kuat lebih dikasihi oleh Allah SWT berbanding mereka yang lemah” (Muslim, 2009: no. 2664)

Al-Nawawi (1972) mengulas hadis ini dengan menyatakan kekuatan yang dimaksudkan adalah merangkumi aspek dunia dan ukhrawi. Justeru, umat Islam diseru agar mempertingkatkan keyakinan diri melalui aktiviti fizikal seperti riadah tanpa mengetepikan aspek keagamaan seperti pengisian rohani.

Persoalan keharusan bersukan bukan sebuah perbahasan yang baru. Riwayat-riwayat hadis telah membukukan bukti-bukti bertulis berkaitan aktiviti riadah Rasulullah SAW bersama para sahabat. Salmah bin al-Akwa' meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW pernah melewati beberapa orang daripada Bani Aslam yang sedang berlatih memanah. Rasulullah SAW berkata kepada mereka:

ازْمُوا بَنِي إِسْمَاعِيلَ فَإِنَّ أَبَاكُمْ كَانَ رَامِيًّا

Maksudnya, "Wahai Bani Ismail, jalankan latihan memanah kerana bapa kalian iaitu Ismail merupakan pemanah yang tersohor" (Al-Bukhari, 2009: no. 2899).

Di zaman baginda SAW, selain memanah, terdapat beberapa aktiviti riadah yang menjadi perhatian Rasulullah SAW dan para sahabat kerana aktiviti-aktiviti berkenaan mampu meningkatkan kualiti ketenteraan Islam. Antara aktiviti yang sering diberikan perhatian termasuklah berkuda dan berenang. Ibn Majah (1999) melaporkan bahawa baginda SAW pernah bersabda,

ازْمُوا وَارْكُبُوا وَلَانْ تَرْمُوا أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ أَنْ تَرْكُبُوا

Maksudnya, "Lepaskan anak panah dan tungganglah kuda. Jika kalian memanah, hal itu lebih saya suka berbanding kamu menunggang kuda" (Ibn Majah, 1999: no. 2811)

Selain itu, para sahabat juga turut menganjurkan pertandingan sesama mereka untuk memperlihatkan kekuatan mereka. Antara acara yang biasa dipertandingkan termasuklah acara lumba lari (Al-Qardāwī, 2012: 334). Baginda SAW juga pernah bersama Ummul Mukminin Aisyah binti Abu Bakar mengadakan pertandingan lumba lari, menyaksikan kemenangan isteri baginda untuk kali pertama acara itu dijalankan (Ibn al-Ja'd, 1990: no. 3331 dan Ahmad, 2001: no. 24981). Baginda SAW juga pernah bergusti setelah dicabar oleh Abu Rukanah, seorang pemain gusti yang tersohor dan berjaya menewaskannya dalam acara tersebut (Şuhayib Abd al-Jabbar, 2014; 212).

Demikian itu kebebasan para sahabat untuk melakukan aktiviti riadah seiring dengan tuntutan agama untuk melahirkan umat yang sihat, bertenaga, berkemahiran dan memiliki kekuatan fizikal. Keharusan beriadah ini diikat dengan syarat-syarat tertentu agar aktiviti riadah tidak dicemari dengan unsur-unsur haram seperti judi, pertaruhan, melalaikan dan adab serta tatasusila (Al-Qardāwī, 2012: 344).

## PENGLIBATAN ATLET MUSLIM DALAM TEMASYA OLIMPIK TOKYO 2020

Disebabkan COVID-19 telah melanda seluruh dunia, temasya Olimpik Tokyo yang sepatutnya diadakan pada musim panas tahun 2020 terpaksa dianjukkan kepada tarikh baharu iaitu bermula pada 23 Julai 2021 sehingga 8 Ogos 2021 (Sporting News, 2021). Malaysia tidak ketinggalan dalam mengetengahkan atlet-atlet negara yang bakal bersaing di temasya gemilang ini. Seramai 30 atlet Malaysia telah disenaraikan mengambil bahagian dalam acara sukan yang pelbagai (MyWilayah, 2021). Daripada keseluruhan jumlah

atlet yang bertanding, seramai 12 atlet yang bertanding beragama Islam. Penglibatan atlet-atlet Muslim ini memberikan nafas baru dalam bidang sukan kerana melalui penglibatan mereka, suara-suara Muslim akan didengari di samping memberi inspirasi kepada anak-anak muda untuk terlibat secara aktif dalam bidang sukan dan penjagaan kesihatan.

Senarai atlet-atlet Muslim yang terlibat dalam sukan Olimpik 2020 antaranya ialah Dato' Mohd Azizulhasni Awang dan rakan sepasukannya iaitu Muhammad Shah Firdaus Sahrom yang bertanding bagi acara berbasikal trek kategori *keirin* dan *sprint*. Dalam acara berbasikal, Dato' Mohd Azizulhasni bin Awang telah berjaya menyumbang pingat perak kepada negara bagi kategori *keirin*. Sementara itu, Khairulnizam Mohd Affendy telah turut serta dalam acara pelayaran kategori *laser radial* dan Khairul Anuar Mohamad pula menyertai acara memanah *recurve* lelaki.

Peserta wanita tidak ketinggalan dalam penyertaan sebagai atlet di temasya ini. Bagi acara gimnastik, Malaysia telah menghantar wakil tunggal negara iaitu Farah Ann Abdul Hadi yang bertanding bagi kategori *all-around* wanita. Selain itu, penglibatan atlet wanita Muslim juga dapat dilihat apabila Nur Dhabitah Sabri telah mengambil bahagian dalam acara terjun 3-meter papan anjal individu wanita. Begitu juga Syaqiera Mashayikh, Nur Suryani Mohamed Taibi, Azren Nabila Alias, Nur Syazrin Mohd Latif, Nuraisyah Jamil dan Juni Karimah Noor Jamali. Masing-masing mereka terlibat dalam acara memanah, menembak, olahraga, pelayaran *laser radial* dan pelayaran *international 470*.

Berdasarkan penglibatan para atlet menerusi acara di atas, apa yang boleh diberikan tumpuan adalah etika pemakaian para atlet sewaktu pertandingan dijalankan. Hal ini kerana tidak semua acara mengetengahkan konsep pemakaian yang seiring dengan konsep pematuhan Syariat dalam konteks aurat seseorang Muslim. Justeri, perkara seperti ini yang telah meninggalkan sebahagian atlet dalam dilema apabila berbicara soal pemakaian.

## KONSEP AURAT SEORANG MUSLIM MENURUT PERSPEKTIF FIQH

Aurat merupakan kata pinjaman yang diambil daripada glosari Bahasa Arab dan ditulis sebagai اُورَة. Menurut bahasa, ia difahami sebagai lemah dan sesuatu yang perlu dilindungi (Al-Fārābī, 2003, 308). Sementara dalam konteks perundangan *fiqh Islāmī*, aurat didefinisikan sebagai bahagian tubuh badan yang tidak dibenarkan untuk terdedah kepada penglihatan orang lain (Al-Qurtubī, 2013: 190 dan al-Ramlī, 1984: 7). Perkataan aurat seringkali disebutkan di dalam al-Quran dalam konteks yang berbeza-beza. Misalnya, di dalam Surah al-Ahzab: 13, Allah SWT berfirman:

﴿وَإِذْ قَالَتْ طَائِفَةٌ مِّنْهُمْ يَا أَهْلَ يَثْرَبَ لَا مُقَامَ لَكُمْ فَأَرْجُعُوكُمْ وَيَسْتَأْذِنُ فَرِيقٌ مِّنْهُمُ الَّتِي يَقُولُونَ إِنَّ بُيُونَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِيَ بِعَوْرَةٍ إِنْ يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا﴾

Maksudnya, "Dan juga masa itu ialah masa segolongan antara mereka berkata: "Wahai penduduk Yathrib, tempat ini bukan tempat bagi kamu (untuk berjuang di sini), oleh itu pulanglah". Dan sebahagian daripada mereka pula meminta izin kepada Nabi (hendak balik) sambil berkata, "Sesungguhnya rumah-rumah kami memerlukan perlindungan", pada hal ia tidak memerlukan perlindungan. Mereka hanya bertujuan hendak mlarikan diri (dari berjuang menegakkan Islam)" (al-Quran. al-Ahzab: 13).

Berdasarkan ayat di atas, ungkapan 'aurat' merujuk kepada tempat privasi bagi Nabi Muhammad SAW dan para Ummahat al-Mu'minān. Justeru para sahabat perlu meminta izin dahulu sekiranya mereka ingin berurusan dengan baginda SAW. Manakala, dalam Surah al-Nur: 58 mengkhususkan waktu 'aurat' yang perlu dihormati.

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْتَأْذِنُكُمُ الَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا الْحُلُمَ مِنْكُمْ ثَلَاثَ مَرَاتٍ مِّنْ قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ تَصَعُّونَ ثَيَابَكُمْ مِّنَ الظَّهِيرَةِ وَمِنْ بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ ثَلَاثُ عَوْرَاتٍ لَكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ بَعْدَهُنَّ طَوَافُونَ عَلَيْكُمْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَكْمٌ﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh daripada kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), dalam tiga masa; (iaitu) sebelum sembahyang subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan sesudah sembahyang Isyak; itulah tiga masa bagi kamu (yang biasanya terdedah aurat kamu padanya). Kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa yang tersebut, (kerana mereka) orang-orang yang selalu keluar masuk kepada kamu, dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu dengan yang lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukum-Nya); dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana" (Al-Quran. Al-Nur: 58).

Ayat di atas menyenaraikan waktu-waktu kebiasaan bagi seseorang memerlukan ruang privasi untuk berehat atau terdedah sebahagian aurat mereka antaranya ialah waktu sebelum fajar, tengah hari dan selepas isyak (Al-Mausū'ah al-Fiqhiyah, 1994: 43).

Konsep aurat menurut perundangan Islam boleh dibahagikan berdasarkan kategori jantina dan situasi. Hal ini kerana, peruntukan undang-undang Sharī'ah dalam konteks aurat berbeza mengikut kategori jantina dan situasi tertentu. Para fuqaha berbeza pandangan sewaktu menentukan kadar aurat lelaki. Al-Shāfi'i 1985 menyatakan bahawa aurat lelaki termasuk

bahagian bawah pusat sehingga sebelum lutut. Dalam erti kata yang lain, pusat dan lutut tidak dianggap sebagai aurat menurut pandangan ini. Manakala, sebahagian fuqaha lain pula menyatakan bahawa pusat dan lutut dikategorikan sebagai aurat (Ibn Hazm, t.t: 254).

Bagi wanita yang beragama Islam, batas aurat bagi mereka secara umumnya menurut majoriti sarjana ialah keseluruhan anggota badan kecuali muka dan tapak tangan (Khalil, 2005: 30, al-Shirbini, 2012: 508). Manakala, menurut mazhab Hanafi, aurat bagi seorang wanita Muslim itu adalah seluruh anggota badan mereka kecuali wajah, tapak tangan dan kaki (Al-Halabi, t.t, 77 dan). Hal ini kerana, menurut mazhab Hanafi, wajah, tapak tangan dan kaki adalah anggota yang dibenarkan untuk terdedah sewaktu melaksanakan ibadah solat (Al-Jassās, 2010: 702). Bagi mazhab Hanbali, hanya wajah sahaja yang dianggap sebagai bukan aurat (Ibn Qudāmah, 2010: 75). Oleh itu, menutupi seluruh anggota tubuh badan selain wajah adalah satu kemestian menurut pandangan ini.

Dalam konteks situasi tertentu, para sarjana berbeza pandangan dalam menentukan bahagian aurat yang boleh didedahkan. Bagi aurat lelaki, umumnya aurat mereka adalah antara pusat hingga bahagian lutut (Al-Marghinānī, t.t: 45). Batas aurat ini adalah bagi semua jenis situasi kecuali bagi aurat suami dan isteri (Al-Tabarī, 2000: 160). Berbeza dengan hukum aurat wanita apabila para sarjana memperincikan batas aurat mereka berdasarkan situasi tertentu. Misalnya, apabila seseorang wanita Muslim bersama saudara wanita seislam, maka aurat mereka adalah antara pusat sehingga ke lutut (Ibn ‘Ābidīn, t.t: 195, al-Rūyānī, 1992: 161 dan al-Māwardī, 1999: 170).

Namun, sekiranya seseorang wanita Muslim itu bersama wanita yang bukan beragama Islam, para fuqaha bermazhab Ḥanafī (Ibn ‘Abidin, 1992: 382) dan Shāfi‘ī (2013) berpandangan bahawa aurat bagi wanita Muslim itu adalah seluruh tubuh badannya kecuali bahagian-bahagian yang kebiasaanya terdedah apabila seseorang wanita melakukan tugas-tugas domestik seperti muka dan tapak tangan. Larangan mendedahkan aurat ini turut melibatkan wanita ahli kitab (Al-Fatāwā al-Hindiah, 1892: 327). Berdasarkan Surah al-Nur: 31, perkataan *nisa’ihinna* itu telah meletakkan garis pemisah yang dipengaruhi oleh faktor agama dan kepercayaan. Justeru, al-Qurtubī (2014) menegaskan bahawa kebenaran mendedahkan sebahagian aurat itu hanya tertakluk bagi wanita Muslim sahaja. Demikian tafsiran ini adalah nukilan daripada para salaf al-salih (Al-Tabarī, 2012: 546).

Sementara sebahagian fuqaha lain seperti Maliki dan Hanbali pula menetapkan bahawa aurat wanita Muslim apabila mereka berada di samping wanita yang bukan beragama Islam ialah antara pusat sehingga ke lutut (Ibn al-‘Arabī, 2003: 385 dan Ibn Qudāmah, 2004: 105). Menurut mereka, ayat 31 daripada Surah al-Nūr didatangkan dalam *sighah* umum dan tidak ada bukti

bagi mentakhsiskan ayat berkenaan. Justeru, batas aurat bagi wanita Muslim bersama wanita bukan beragama Islam adalah sama seperti apabila wanita Muslim itu bersama saudara wanita seislam (Al-Zuhaylī, 2013: 643).

Selain daripada perbahasan anggota yang dinilai aurat mengikut situasi individu Muslim berhadapan, para sarjana juga menegaskan tentang keperluan memastikan pakaian-pakaian yang digayakan oleh mereka yang beragama Islam perlulah longgar dan tidak menampakkan bentuk anggota tubuh badan (Al-Nawawī, t.t: 170).

Dalam konteks negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan agama, pandangan kedua yang dinyatakan oleh fuqaha Ma'līkī dan Ḥanbalī ini dilihat lebih sesuai dengan pengamalan masyarakat di Malaysia. Sekalipun terdapat sebilangan rakyat di Malaysia ini bukan beragama Islam dan tidak berkongsi kepercayaan yang sama, namun hal itu tidak menjadi titik perselisihan dan kunci fitnah untuk mengaibkan wanita yang beragama Islam. Tambahan, menjadi sesuatu yang amat mustahil pada hari ini untuk wanita Muslim mengelak daripada bertemu atau berurusan dengan wanita bukan beragama Islam (Al-Alusi, 1994: 338).

Walaubagaimanapun, sebagai individu beragama Islam, adab dan tatasusila perlu diutamakan. Pandangan mazhab fiqh yang menyatakan aurat wanita Muslim bersama wanita yang bukan beragama Islam ialah antara pusat sehingga ke lutut perlu dinilai semula kerana bahagian dada wanita adalah fitnah. Oleh itu, lebih utama bagi wanita Muslim itu hanya mendedahkan bahagian anggota badannya yang menjadi kebiasaan dapat dilihat seperti rambut, wajah, tangan dan kaki apabila dia bersama wanita yang bukan beragama Islam.

## KEDUDUKAN ATLET MUSLIM DALAM ISLAM

Sebagai agama yang bersifat syumul, Islam mengimbangi elemen-elemen yang melengkapkan fitah insani. Selain menekankan aspek tauhid dan ibadah kepada Tuhan, agama Islam turut menekankan aspek kesihatan jasmani manusia. Perkara ini boleh dilihat bagaimana Nabi Muhammad SAW dan para sahabat turut melakukan aktiviti riadah seperti yang disebutkan pada bahagian sebelum ini.

Seiring dengan perubahan zaman, pandangan masyarakat terhadap sukan sudah berubah. Sukan tidak lagi hanya dianggap sebagai aktiviti yang boleh memberikan kesihatan tubuh badan, malah sukan pada masa kini sesuai dijadikan sebagai profesi dan karier. Justeru, kita dapat lihat program-program merekrut atlet giat dijalankan di pelbagai peringkat. Keadaan ini tidak terkecuali di Malaysia sebagai sebuah negara yang memiliki majoriti masyarakat beragama Islam.

Persoalan mengenai kedudukan atlet Muslim yang terlibat dalam sukan harus dilihat dari perspektif wahyu dan kaca mata realisti semasa.

Menerusi wahyu, adalah jelas bahawa Islam tidak sesekali melarang umatnya untuk terlibat dalam dunia sukan. Hal ini seperti disebutkan dalam beberapa hadis yang menunjukkan galakan Nabi SAW ke atas para sahabat untuk beriadah. Al-Qardawī 2007 menjelaskan bahawa antara sukan yang disyariatkan ialah melakukan aktiviti memanah dan bergusti. Al-Bukhari 2009 meriwayatkan sabda baginda SAW:

ارْمُوا وَأَنَا مَعَكُمْ

Maksudnya: "Lepaskanlah anak panah. Sesungguhnya saya bersama kalian". (Al-Bukhārī, 2009: 3507).

Dalam satu riwayat yang lain, Nabi SAW pernah membenarkan sekumpulan wakil dari Habsyah melakukan persembahan sukan tempur di Masjid Nabawi (Al-Qardāwī, 2007: 257). Ummul Mukminin 'A'ishah menceritakan Nabi SAW menjemput wakil Habsyah untuk melakukan persembahan sedang beliau diperlawa oleh Rasulullah SAW untuk tonton bersama. Sabda Nabi SAW:

ذُو نُوكْمٌ يَا بَنِي أَرْفَدَةَ

Maksudnya: "Wahai Bani Arfada, teruskan persembahan kalian. (Muslim, 2009: no. 892)".

Hadis di atas adalah dalil kepada penglibatan masyarakat yang ada di zaman Nabi Muhammad SAW. Ibn al-Jauzī (t.t) menyatakan bahawa hadis ini menjadi dalil keharusan melakukan aktiviti kesenian dengan menggunakan peralatan perang. Sebahagian masyarakat di zaman Rasulullah SAW diberikan kebebasan untuk melibatkan diri secara khusus sebagai pemain-pemain acara sukan tertentu.

Bagi atlet wanita, sebahagai sarjana tidak menyekat keharusan buat mereka untuk turut melibatkan diri dalam acara sukan secara umumnya. Walaubagaimanapun, sebahagian mereka seperti Ibn Bāz, menetapkan beberapa syarat, antaranya; a) aktiviti sukan dilakukan di tempat yang mempunyai privasi. b) aktiviti sukan perlu bersesuaian dengan naluri kewanitaan (Binbaz.org).

Keluasan Islam tidak harus disempitkan terutama sukan termasuk dalam cabang muamalat. Sedia maklum, kaedah fiqh menyebutkan bahawa الأصل في الأشياء الإباحة (Hukum asal bagi sesuatu perkara adalah harus). Kaedah ini dibina oleh para fuqaha sebagai garis panduan untuk menentukan persoalan halal dan haram ketika mereka melakukan proses istinbat *furu'* hukum (Al-Zarkasyī, 1985: 176). Dalam kes penglibatan atlet Muslim dalam bidang sukan, tidak ada dalil khusus yang menghalang mana-mana individu Muslim untuk menjadikan sukan sebagai kerjaya. Walaubagaimanapun,

keharusan ini tidak bersifat mutlak. Jika acara sukan itu dicemari dengan perkara-perkara yang haram, maka hukum asal juga turut berubah. Sabda Nabi SAW:

مَا أَحَلَ اللَّهُ فَهُوَ حَلَالٌ وَمَا حَرَّمَ فَهُوَ حَرَامٌ

Maksudnya: "Sesuatu yang telah Allah SWT jadikan halal, maka hukumnya halal. Manakala, sesuatu yang telah Allah SWT jadikan haram, maka hukumnya haram" (Abū Dāud, 1999: no. 3800).

Oleh itu, menurut penulis sekiranya acara sukan dapat dijalankan tanpa adanya unsur-unsur yang menyebabkan perubahan pada hukum asal seperti menzahirkan aurat, tidak menjaga pergaulan dan tertib serta meninggalkan kefarduan yang lain disebabkan oleh sukan. Demikian itu termasuk dalam kategori melampaui batas dalam bersukan. Dalam hal ini, al-Qardāwī menegaskan bahawa Islam tidak pernah menghalang aktiviti sukan dilakukan oleh mana-mana individu, namun perlu berwaspada agar tidak berlebihan sehingga boleh merosakkan maksud sukan itu (Al-Qardawi.net). penglibatan atlet yang beragama Islam dalam dunia sukan dan menjadikan sukan sebagai kerjaya dilihat tidak bertentangan dengan syariat Islam.

## CABARAN ATLET MUSLIM DALAM ISU PEMILIHAN PAKAIAN SEWAKTU PERTANDINGAN

Polemik aurat atlet yang beragama Islam merupakan satu isu yang telah lama dibahaskan. Bahkan, isu ini telah mendapat perhatian sebahagian ahli politik apabila terdapat kerajaan negeri yang mengambil berat soal etika pemakaian atlet beragama Islam. Misalnya, di Terengganu, kerajaan negeri telah mendorong etika pemakaian sukan patuh Sharī'ah sebagai panduan kepada para atlet beragama Islam (Harian Metro, 2019). Selain itu, usaha membantu para atlet beragama Islam turut disokong oleh beberapa badan agama yang berautoriti termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) apabila mereka telah menyediakan garis panduan kepada masyarakat mengenai kaedah pemakaian bersukan yang mematuhi agama.

Sungguhpun begitu, tidak ada penguatkuasaan secara undang-undang menyebabkan masih ada sebilangan atlet Muslim yang terdedah aurat mereka sewaktu acara dipertandingkan. Jika dilihat dari pengalaman beberapa negeri antaranya Terengganu dan Pahang, penguatkuasaan pemakaian sukan patuh Sharī'ah ini mendapat sokongan daripada kerajaan negeri masing-masing (Harian Metro, 2020). Sekiranya pihak pentadbiran tidak memberikan penekanan, garis panduan sedia ada tidak dapat berfungsi sewajarnya.

Selain itu, cabaran yang perlu diharungi oleh para atlet Muslim ialah jenis pakaian yang ditetapkan dalam kategori sukan tertentu. Misalnya, pakaian-pakaian bagi acara gimnastik, terjun papan anjal, triatlon dan berbasikal tidak mengetengahkan aspek kepatuhan Sharī'ah. Tambahan daripada itu, sukan-sukan seperti ini secara jelasnya menyebabkan bahagian-bahagian aurat atlet Muslim terdedah disebabkan oleh ciri-cirinya yang terlalu ketat atau sememangnya terdedah pada bahagian aurat.

Jika diamati perbahasan para sarjana, setiap individu yang beragama Islam perlu memberikan perhatian sepenuhnya terhadap kadar aurat yang perlu mereka tutup mengikut situasi yang telah mereka perincikan. Dalam acara sukan yang dipertandingkan di peringkat Olimpik ini, kebanyakan acara sukan dijalankan secara terbuka di khalayak ramai. Oleh hal yang demikian, batas-batas aurat yang seharusnya ditutup daripada penglihatan awam boleh dilihat oleh para hadirin.

Keadaan di atas dengan jelasnya dapat dilihat sepanjang temasya Olimpik Tokyo 2020 ini dilangsungkan. Para atlet beragama Islam khususnya mendedahkan sebahagian anggota badan yang dianggap aurat oleh Sharī'ah seperti lutut dan peha. Selain itu, jenis pakaian yang digunakan juga tidak menepati piawaian seperti yang dijelaskan oleh sarjana iaitu perlu longgar dan tidak zahir bentuk badan. Realitinya, acara-acara seperti berbasikal trek, gimnastik, terjun papan anjal mengenakan pakaian sedemikian rupa.

Selain membabitkan krisis aurat, hal ini sedikit sebanyak turut memberi kesan kepada penerimaan masyarakat Malaysia apabila sebahagian masyarakat memberikan kritikan yang negatif dan kecaman berbaur perkauman terhadap gaya yang dikenakan oleh atlet yang berkaitan sewaktu pertandingan dijalankan (Berita Harian, 2021). Menyedari hal ini, pihak-pihak berautoriti bersatu hati menyeru kepada masyarakat untuk memberikan sokongan kepada para atlet dan tidak sewajarnya berlaku pertikaian terhadap isu pemakaian mereka (Berita Harian, 2021).

Walaupun isu aurat atlet Muslim ini mendapat perhatian, namun kerjasama antara pihak berautoriti masih belum cukup dalam konteks menguatkuasakan pakaian pematuhan aurat Muslim sewaktu terlibat dalam pertandingan. Perkara ini boleh dilihat apabila berlaku pertembungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam isu mewajibkan atlet Muslim menutup aurat dan tidak terlibat dalam acara yang tidak bersesuaian dengan garis panduan agama Islam (Astro Arena, 2019). Pertembungan ini telah menimbulkan perdebatan antara badan-badan berautoriti dan sehingga hari ini tidak ada satu garis panduan yang jelas serta keputusan bagi menyelesaikan konflik ini.

## PANDUAN ATLET MUSLIM DALAM PEMILIHAN PAKAIAN MENUTUP AURAT

Agama Islam jelas dalam prinsip penjagaan aurat dalam setiap keadaan. Memelihara aurat daripada penglihatan mahram dan *ajnabi* dengan mengikut batasan-batasan yang telah dinyatakan dalam al-Quran dan al-Sunnah adalah satu tuntutan yang amat jelas. Tidak terkecuali bagi para atlet untuk mematuhi suruhan menjaga aurat sewaktu terlibat dalam acara sukan. Beberapa tokoh luar negara semisal Muhammad Abd al-Sami' dan Ahmad Wasam turut menyatakan keperluan menjaga etika pemakaian ketika bersukan dengan menekankan tiga aspek utama; a) tidak menampakkan aurat b) tidak menampakkan bentuk badan c) tidak jarang. Perkara yang sama disebutkan oleh Ahmad Wasam apabila beliau ditanya mengenai hukum wanita melakukan aktiviti sukan. Menurut beliau, wanita yang ingin melakukan aktiviti suka perlu menjaga dan memelihara adab-adab Islami (Elbalad.news).

Resolusi Seminar Pemakaian Atlet Sukan Patuh Syariah Peringkat Negeri Pahang yang berlangsung pada 20-21 Januari 2020 mendefinisikan pakaian patuh Shari'ah sebagai pakaian yang menutup aurat, iaitu pakaian yang longgar, tidak jarang yang menampakkan bentuk badan atau warna kulit, iaitu aurat lelaki; daripada pusat hingga ke lutut manakala aurat perempuan; seluruh tubuh kecuali muka dan dua pergelangan tangan.

Antara isu yang dibahaskan oleh resolusi adalah berkenaan pemakaian 'tight' oleh para atlet beragama Islam bagi acara tertentu yang meletakkan syarat sedemikian. Berdasarkan resolusi di atas, adalah diharuskan jika atlet Muslim menggayakan pakaian 'tight' dalam acara tertentu sewaktu pertandingan dijalankan. Termaktub di dalam resolusi:

Dalam keadaan tertentu, tertakluk kepada peraturan-peraturan sukan yang ditetapkan oleh persatuan-persatuan sukan atau penganjur pertandingan, pakaian 'tight' adalah diharuskan. Sekiranya tiada masalah, maka lebih baik memakai pakaian yang longgar yang tidak menampakkan bentuk badan.

Berdasarkan resolusi yang telah dibincangkan, terdapat beberapa kategori sukan yang menjadi tumpuan pemakaian patuh Shari'ah di negeri Pahang.

1. Sukan yang boleh dilaksanakan pemakaian patuh Shari'ah.
  - I. Silat
  - II. Tae kwon do
  - III. Karate do
  - IV. Lawan pedang
  - V. Boling padang
  - VI. Memanah
  - VII. Menembak

- VIII. Petanque
  - IX. Golf
  - X. Judo
  - XI. Wushu
  - XII. Wood ball
  - XIII. Tenpin boling
2. Sukan yang belum sempurna pemakaian patuh Shari'ah (lelaki) disebakan penggunaan *tight*.
- I. Pelayaran
  - II. Ping pong
  - III. Ragbi
  - IV. Olahraga
  - V. Badminton
  - VI. Sepak takraw
  - VII. Skuasy
  - VIII. Bola sepak/futsal
  - IX. Bola keranjang
  - X. Bola tampar dewan
  - XI. Bola tampar pantai
  - XII. Bola baling
  - XIII. Ekuestrian
  - XIV. Hoki
3. Sukan yang ke arah pemakaian patuh Shari'ah (wanita).
- i. Akuatik renang/terjun
  - ii. Tinju
  - iii. Angkat berat
  - iv. Bina badan
  - v. Pelayaran
  - vi. Ping pong
  - vii. Ragbi
  - viii. Olahraga
  - ix. Badminton
  - x. Sepak takraw
  - xi. Skuasy
  - xii. Bola sepak/futsal
  - xiii. Bola keranjang
  - xiv. Bola tampar dewan
  - xv. Bola tampar pantai
  - xvi. Bola baling
  - xvii. Ekuestrian

- xviii. Hoki
- xix. Bola jaring

Bagi wanita Muslim, terdapat beberapa sukan yang dilihat berpotensi untuk ke arah pemakaian patuh Shari'ah, antaranya disenaraikan termasuklah sukan renang, tinju, angkat berat, pelayaran, ragbi, bola jaring, bola sepak, futsal dan lain-lain sukan. Perkara ini adalah bagi meraikan keterlibatan wanita Muslim dalam acara sedemikian memandangkan isu aurat wanita adalah lebih terperinci jika dibandingkan dengan aurat lelaki.

Selain Pahang, beberapa negeri lain antaranya Terengganu turut menerbitkan garis panduan kepada mereka yang terlibat secara aktif dalam industri kesukanan di peringkat professional. Jika dilihat pada garis panduan yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), kedua-dua badan autoriti ini menggariskan beberapa hal yang sama seperti batas-batas aurat individu Muslim yang melibatkan peranan mereka sebagai atlet dan jurulatih (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021 dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, 2021). Hal ini demi memastikan batasan-batasan pergaulan individu berbeza jantina kekal terjaga sekaligus membabitkan bahagian aurat tertentu yang perlu dijaga bagi situasi jurulatih dan atlet berbeza jantina.

Berdasarkan garis panduan yang telah diterbitkan JAKIM, atlet lelaki beragama Islam boleh memilih pandangan yang lebih ringan, iaitu pandangan Mazhab Maliki yang menyatakan bahawa peha dan bahagian atas kemaluhan tidak dikira aurat (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021). Sementara bagi atlet wanita beragama Islam, selain membahaskan batas aurat, pakaian *syuhrah* yang boleh menyebabkan rasa sompong dan sifat pakaian yang tidak menimbulkan tarikan melampau diketengahkan.

Walaubagaimanapun, terdapat sisi yang tidak disebutkan oleh garis panduan sedia ada secara kolektif. Selain merumuskan garis panduan berpakaian menutup aurat buat para atlet yang beragama Islam, pada bahagian ini, kajian ini mencadangkan beberapa panduan untuk para atlet berpakaian seiring dengan tuntutan agama sewaktu terlibat dalam pertandingan. Beberapa aspek disentuh antaranya jenis pakaian dan kesesuaian sukan berdasarkan jantina.

### Jenis Pakaian

- i. Atlet yang beragama Islam perlu memastikan anggota seluruh anggota badannya yang dikira aurat ditutup daripada penglihatan orang awam.
- ii. Batas bagi aurat lelaki Muslim ialah antara pusat sehingga ke lutut atau di bawah pusat sehingga ke kawasan sebelum bahagian lutut.

- iii. Batas bagi aurat wanita pula ialah seluruh anggota tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan.
- iv. Atlet yang beragama Islam perlu memastikan pakaian sukannya tidak bersalahan dengan etika pemakaian agama Islam seperti terlalu ketat sehingga menampakkan bentuk tubuh badan.
- v. Bagi acara sukan yang memerlukan atlet memakai pakaian *legging* atau *sport compression*, digalakkan bagi para atlet untuk memakai pakaian di bahagian luar bagi menutupi anggota bentuk tubuh badan.

### Kesesuaian Jenis Sukan

- i. Para atlet yang beragama Islam perlu mengambil kira faktor jenis sukan yang bersesuaian dengan fitrah agama yang memelihara batasan aurat kerana terdapat beberapa acara sukan yang tidak bersesuaian dengan tuntutan agama dalam konteks penjagaan aurat.
- ii. Sekiranya acara sukan dipertandingkan secara terbuka di hadapan penonton tanpa mengira jantina atau agama, para atlet Muslim perlu memastikan batas-batas aurat mereka dipelihara sebagaimana aurat seorang Muslim di hadapan *ajnabi* yang berbeza jantina dan agama.
- iii. Sekiranya acara sukan dipertandingkan secara tertutup yang hanya melibatkan penonton yang mempunyai jantina yang sama, para atlet yang beragama Islam dibenarkan untuk menzahirkan bahagian-bahagian tertentu seiring dengan batasan bagi aurat sejantina.
- iv. Sementara sukan yang memperuntukkan jenis pakaian yang mendedahkan aurat secara jelas tanpa kompromi, para atlet yang beragama Islam tidak diharuskan untuk turut serta demi mematuhi syariat.
- v. Bagi acara sukan tradisional, kombat, berpasukan, acara padang, sukan-sukan seperti ini diharuskan bagi mana-mana atlet beragama Islam untuk turut serta selagi mana mereka menjaga batas-batas aurat.

Menurut penulis, selain menggiatkan usaha-usaha ke arah penguatkuasaan pemakaian patuh Shari'ah ke atas para atlet beragama Islam, pihak yang terlibat sama ada badan berautoriti mahupun atlet perlu mengetahui batas-batas seorang Muslim. Realitinya, terdapat beberapa jenis sukan yang dilihat tidak begitu sesuai untuk mereka yang beragama Islam turut serta di peringkat negara atau antarabangsa. Hal ini setelah mengambil kira faktor kaedah sukan itu dipertandingkan sehingga mustahil jika ia dijalankan secara tertutup sedangkan sukan tersebut memperuntukkan pakaian yang sememangnya tidak menutup aurat, bahkan melepas had yang digariskan oleh Shari'ah.

Antara sukan yang dilihat memberikan impak negatif dalam konflik aurat terhadap atlet beragama Islam seperti gimnastik, renang dan terjun

papan anjal. Pakaian yang digayakan oleh para atlet jelas sama sekali tidak menepati garis panduan pemakaian Shari'ah. Pada bahagian sebelum ini, telah dinyatakan bahawa batas aurat antara wanita beragama Islam bersama saudara wanita seislam dan bukan Islam adalah menutup seluruh badan termasuk bahagian dada. Ia dilihat sebagai had yang lebih ringan jika dibandingkan batas aurat wanita Muslim bersama jantina yang berbeza. Kendatipun begitu, adalah mustahil acara itu dianggap selamat waima penontonnya hanya dibataskan kepada wanita sahaja memandangkan pakaian yang digayakan mempamerkan bahagian-bahagian yang dianggap aurat sekalipun bersama wanita beragama Islam atau bukan beragama Islam.

Oleh itu, penulis berharap agar tuntutan demi tuntutan dibuat bagi menzahirkan suara dan hak asasi bagi melindungi para atlet beragama Islam untuk bersukan dengan mematuhi syariat tanpa mengorbankan kepentingan agama mereka. Hal ini tidak dianggap mustahil. Sebagai misal, Kelantan telah memulakan projek pembinaan pusat akuatik mesra Muslim, iaitu secara tertutup bagi meraikan para atlet yang terlibat dengan sukan renang dan semisalnya dapat dipertandingkan selari dengan tuntutan Shari'ah (Astro Awani, 1 Oktober 2021). Manakala, di peringkat antarabangsa, Qatar boleh dijadikan sebagai negara contoh. Universiti Qatar telah memperuntukkan satu bahagian khusus buat wanita di sana untuk memanfaatkan fasiliti sukan dan menjalankan aktiviti riadah di sana tanpa bercampur dengan lelaki (Al-Qardawi.net).

## PENUTUP

Sememangnya menjadi satu cabaran bagi mereka yang beragama Islam apabila terlibat dalam industri sukan di peringkat professional apabila terpaksa bertarung di antara prinsip beragama dan tugas kepada negara. Hal ini menjadi lebih sukar apabila penaung bidang sukan di peringkat antarabangsa ini bukan dalam kalangan yang beragama Islam. Namun, agama Islam mempunyai nilai toleransi. Sekiranya seseorang individu Muslim itu tidak mampu untuk memastikan auratnya terpelihara secara menyeluruh atas faktor luar bidang kuasanya, sekurang-kurangnya mereka perlu memastikan usaha-usaha memelihara aurat terus dilaksanakan.

Seiring dengan hak asasi manusia, sewajarnya badan-badan sukan di peringkat tertinggi mempertimbangkan permohonan para atlet beragama Islam untuk mendapatkan hak mereka menyempurnakan tuntutan agama. Prestasi sebenar atlet itu tidak hanya bergantung kepada pakaian mereka, namun berdiri di atas bakat dan kesungguhan mereka. Telah ramai atlet-atlet beragama Islam yang menempa nama sebagai pemenang pingat Olimpik dan terlibat dalam siri Kejohanan Dunia seperti Ibtihaj Muhammad dari Amerika Syarikat yang memasuki acara *fencing* dalam temasya Olimpik, Sarah Attar

dari Arab Saudi yang memasuki acara lari pecut dalam trek dan Aries Susanti Rahayu dari Indonesia yang terlibat dalam acara *climbing*.

Satu perkara yang menarik perhatian baru-baru ini apabila pasukan gimnastik dari negara Jerman tampil berpakaian sopan dengan menutupi keseluruhan anggota badan mereka ketika bertanding. Pasukan Jerman yang diwarisi oleh Sarah Voss, Pauline Schaefer-Betz, Elisabeth Seitz dan Kim Bui telah menggayakan *unitard* yang menutup lengan, kaki dan buku lali. Sebagai tanda bahawa atlet wanita berhak menentukan pakaian yang ingin mereka gayakan, pasukan gimnastik Jerman mempertahankan identiti pakaian sopan yang mereka ketengahkan dalam siri Olimpik Tokyo 2020 ini (Berita Harian, 2021).

Oleh itu, penulis menyeru agar peluang penglibatan atlet Muslim di Malaysia diberikan sokongan sepenuhnya oleh pihak pentadbiran negara terutama dalam soal melindungi hak mereka sebagai individu Muslim yang perlu mematuhi agama. Penglibatan para atlet Muslim berserta disiplin mereka dalam memastikan kewajipan agama disempurnakan mampu memberikan gambaran positif bukan hanya kepada negara, malah kepada negar-negara luar.

## RUJUKAN

- Ahmad bin Muhammad al-Khalwati. (n.d). *Aqrab al-Masālik 'ala al-Sharḥ al-Saghīr*. Beirut: Dar al-Ma'arif.
- Al Qurtubī, Muhammad bin Ahmad bin Abū Bakar. (2013). *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'añ*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Alusi, Shihāb al-Dīn Maḥmūd Ibn 'Abdullah. (1995). *Ruh al-Ma'āni fi Tafsīr al-Qur'añ al-'Azīm wa al-Sab'u al-Mathāni*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Dusuqī, Muhammad bin Ahmad bin 'Arfah. (2003). *Hāshiah al-Dusuqī 'ala al-Sharḥ al-Kabiñ*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Kasani, 'Ala' al-Din Abu Bakar bin Mas'ud. (2005). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartīb al-Shara'i'*. Cairo: Dar al-Hadith.
- Al-Mausu'ah al-Fiqhiah. (1994). Kuwait: Wizařah al-Awqaf wa al-Shu'ūn al-Isla'miah.
- Al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf. (1991). *Raudat al-Talibīn wa 'Umdat al-Muftīn*. Amman: al-Maktab al-Islami.

Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (2010). *Al-Majmu' Sharḥ al-Muhaddhab ma'a al-Takmilah li al-Subki wa al-Mutī'i*. Cairo: Dar al-Hadīth.

Al-Qaraftī, Shihāb al-Dīn Ahmad bin Idrīs. (1994). *Al-Dhakhīrah*, (Beirut: Dar al-Gharb al-Islami).

Al-Qurtubī, Muhammad bin Ahmad. (1964). *Al-Jāmi' li Ahkām al-Quran*. Cairo: Dar al-Kutub al-Misriah.

Al-Rāzī, Fakhr al-Din. (1981). *Mafatīh al-Ghaib*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Zuhaylī, Wahbah. (2013). *Mausū'ah al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qadāyā al-Mu'ashirah*. Beirut: Dar al-Fikr.

Astro Arena. (2021, Julai 24). Tokyo: Seragam Penuh Skuad Gimnas Jerman Curi Tumpuan. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-sukan/tokyo- 2020-seragam-penuh-skuad-gimnas-jerman-curi-tumpuan-310057>. Diakses 9 November 2021.

Bernama. (2019, November 10). Pakaian Gimnastik: Syed Saddiq Mahu Tahu Pendirian Terengganu. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/11/10/pakai-an-gimnastik-syed-saddiq-mahu-tahu-pendirian-terengganu/>. Diakses 15 September 2021.

Bernama. (2019, September 3). Terengganu Says No to Women's Gymnastics, Prepare Shariah Code for Athletes. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/09/03/terengganu- says-no-to-womens-gymnastics-prepares-shariah-code-for-athletes/>. Diakses 15 September 2021.

Bernama. (2021, Oktober 1). Kelantan Akan Bina Pusat Akuatik Patuh Syariah Sebagai Persediaan Sukma 2026. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kelantan-akan-bina-pusat-akuatik-patuh-syariah-sebagai-persediaan-sukma-2026-322799>. Diakses 25/10/2021.

Berita Harian. (2021, Julai 21). Olimpik: Gimnas Jerman Pertahan Seragam Sopan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2021/07/843274/olimpik-gimnas-jerman-pertahan-seragam-sopan>. Diakses 9 November 2021.

Mahani Ishak. (2021, Ogos 1). Sokong Atlet, Bukan Kecam Pakaiannya. *Berita Harian.*

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/845827/sokong-atlet-bukan-kecam-pakaianya>. Diakses 15 September 2021.

Ibn al-Mundhīr, Muhammad ibn Ibrāhīm. (1985). *Al-Ausāt fi al-Sunan wa al-Ijma'* wa al-Ikhtilāf. Ed: Abu Hammād Saghīr Ahmad ibn Muhammad ibn Hanīf. Riyad: Dār al-Tayyibah.

Ibn Ḥazm, 'Alī ibn Ahmad. (t.t). *Al-Muḥalla-bi al-Āthaṛ*. Beirut: Dār al-Fikr.

Ibn Qudāmah, Muhammad Ibn 'Abdullah Ibn Ahmad. (2004). *Al-Mughnī*. Cairo: Dar al-Hadith.

Ibn Qudāmah. Muhammad Ibn 'Abdullah Ibn Ahmad. (2010). *Al-Kafti fi Fiqh al-Imām Ahmad bin Ḥanbal*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Jabatan Agama Islam Malaysia. (2021). *Garis Panduan Sukan Menurut Islam*. [http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/old-site/garis\\_panduan\\_bersukan\\_menurut\\_perspektif\\_islam.pdf](http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/old-site/garis_panduan_bersukan_menurut_perspektif_islam.pdf). Diakses 24 Oktober 2021.

Resolusi Seminar Pemakaian Atlet Sukan Patuh Syariah Peringkat Negeri Pahang. 2020. Resolusi ini dijalankan pada 20-21 Januari 2020 bertempat di KUIPSAS dan Hotel Grand Darul Makmur Kuantan.

SUK Terengganu. 2021. *Garis Panduan Hiburan, Persembahan Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan Negeri Terengganu*. [http://suk.terengganu.gov.my/files/FINAL%20Garis%20Panduan%20Negeri%20Terengganu%20\(Dokumen%20Penuh\)%20\(2\)%20TERKINI.pdf](http://suk.terengganu.gov.my/files/FINAL%20Garis%20Panduan%20Negeri%20Terengganu%20(Dokumen%20Penuh)%20(2)%20TERKINI.pdf). Diakses 24 Oktober 2021.

### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.